



| | | | |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline | KKTM, IKM dinaiktaraf Kolej Universiti Kemahiran MARA | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 12 Jun 2013 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 197,952 |
| Page No | 14 | Readership | 833,287 |
| Language | Malay | ArticleSize | 393 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 7,839 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 23,517 |



KKTM, IKM dinaiktaraf Kolej Universiti Kemahiran MARA

Oleh NORILA DAUD

KUALA LUMPUR 11 Jun - Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) dan Institut Kemahiran MARA (IKM) yang berjumlah 23 buah kampus seluruh negara akan dinaiktaraf sebagai Kolej Universiti Kemahiran MARA selepas Universiti Kuala Lumpur (UniKL) sebaik sahaja syarat-syarat yang diperlukan dipenuhi.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal berkata, Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah menerima tawaran daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) awal tahun ini berhubung menaiktaraf 23 kampus berkenaan dan kini pihak MARA dalam proses untuk memenuhi syarat-syarat yang diperlukan.

Sehubungan itu, beliau berkata, kampus-kampus tersebut dijangka dinaikkan taraf sebagai kolej universiti paling awal akhir tahun ini atau awal tahun hadapan.

"Dengan status tersebut, kolej terbabit boleh menawarkan tahap pengajian ke peringkat ijazah berbanding hanya sijil dan diploma sebelum ini sekali gus memudahkan generasi muda yang tinggal di kawasan pedalaman melanjutkan pelajaran berikutan kolej bertaraf universiti turut terdapat di kawasan-kawasan luar bandar.

"Perubahan status kolej ke taraf universiti itu juga boleh mengurangkan penghijrahan golongan muda ke bandar-bandar besar bagi melanjutkan pelajaran

dan mencari pekerjaan," ujarnya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Majlis

Sambutan Hari Pendidik MARA 2013 bertema "Pendidik Berintegriti Pembina Insan Holistik" di sebuah hotel terkemuka di sini, hari ini.

Turut hadir Ketua Pengarah MARA, Datuk Ibrahim Ahmad dan lebih 1,000 warga pendidik MARA dari seluruh negara yang diraikan.

Pada majlis tersebut Mohd. Shafie turut menyampaikan anugerah kepada pemenang-pemenang dalam kategori Anugerah Khidmat Masyarakat MARA 2013; Anugerah Penyelidikan dan Inovasi MARA 2013; Anugerah Pengajaran dan Pembelajaran MARA 2013 dan Anugerah Pendidik Terbilang MARA 2013.

Sementara itu bagi kategori pengiktirafan tertinggi, Anugerah Tokoh Pendidik MARA 2013 telah dimenangi oleh Datuk

Dr. Hashim Ahmad selaku pelopor pembangunan sistem pengurusan GIATMARA yang lebih tersusun sehingga tertubuhnya lebih 200 Pusat Latihan GIATMARA dibuka pada hari ini.

Katanya, dengan wujudnya universiti teknikal kedua ini, lebih banyak program pendidikan, latihan dan penyelidikan dan pembangunan (R&D) berteraskan industri (industry driven) dan teknologi tinggi dapat dilaksanakan.

Sehubungan itu beliau memberitahu, hari ini MARA membekalkan hampir 30

peratus guna tenaga mahir dan separa mahir kepada industri-industri penting dalam negara termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

"Bermula dari peringkat bawah iaitu GIATMARA sehingga ke peringkat menara gading di UniKL, sistem pendidikan MARA terbukti mampu melahirkan anak-anak didik yang menjadi penyumbang kepada kemajuan negara," katanya ketika berucap di majlis tersebut.

Mohd. Shafie menambah, selain daripada program menaiktaraf IKM dan KKTM, usaha berterusan perlu dilakukan untuk memastikan urusan tadbir institusi pendidikan MARA adalah cekap dan efisien.

Pertambahan Institusi Pendidikan MARA (IPMa) dan peningkatan keperluan prasarana pembelajaran terkini selaras dengan keperluan industri mengakibatkan kepada kebergantungan yang tinggi kepada peruntukan kerajaan yang meningkat dari semasa ke semasa.

"Apatah lagi dengan IPMa kini berjumlah 350 buah dengan melibatkan lebih 100,000 pelajar mengikuti program daripada peringkat sijil sehinggalah ke peringkat PhD. Berikutan, kerajaan akan mewujudkan *Endowment Fund MARA* bagi memenuhi keperluan pembangunan yang berterusan dan menyokong usaha-usaha R&D serta inovasi yang dilakukan," katanya.



PARA penerima anugerah sempena sambutan Hari Pendidik MARA 2013 bergambar bersama-sama Mohd. Shafie Apdal (duduk tiga dari kiri barisan tengah) di Kuala Lumpur, semalam.